

# ALLAVIN PLUS EXPECTORANT

Diphenhydramine hydrochloride/Ammonium chloride/Pseudoephedrine hydrochloride (14mg/135mg/30mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Allavin Plus Expectorant
2. Bagaimana Allavin Plus Expectorant berfungsi
3. Sebelum menggunakan Allavin Plus Expectorant
4. Cara menggunakan Allavin Plus Expectorant
5. Semasa menggunakan Allavin Plus Expectorant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Allavin Plus Expectorant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Allavin Plus Expectorant

Allavin Plus Expectorant digunakan untuk menghilangkan batuk yang berkahak dengan hidung tersumbat.

## Bagaimana Allavin Plus Expectorant berfungsi

*Diphenhydramine hydrochloride* berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi badan (histamina) yang dihasilkan semasa tindak balas alergik/alahan. Kesan pengeringan ke atas simptom-simptom mata dan hidung berair adalah disebabkan oleh penyekatan satu lagi bahan semulajadi badan (*acetylcholine*).

*Ammonium chloride* adalah ekspektoran yang bertindak dengan merangsang mukosa bronkial (saluran udara). Ini menyebabkan penghasilan rembesan yang berlebihan dalam saluran pernafasan dan mengurangkan kelikatan kahak yang mungkin memudahkan kahak dibatuk keluar.

*Pseudoephedrine hydrochloride* berfungsi dengan mengecutkan saluran darah di kawasan sinus di dalam hidung, mengurangkan kebengkakan sinus dan memudahkan pernafasan.

## Sebelum menggunakan Allavin Plus Expectorant

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Allavin Plus Expectorant sekiranya anda:

- alergik/alahan kepada sebarang ubat-ubatan yang mengandungi *diphenhydramine*, *pseudoephedrine* atau *ammonium chloride*.
- penyakit jantung termasuk penyakit jantung iskemia (pengurangan bekalan darah ke jantung), penyakit arteri koronari (gangguan bekalan darah ke jantung disebabkan oleh obstruksi saluran darah) dan tekanan darah tinggi.

### *Mengandung dan menyusukan bayi*

Jangan mengambil ubat ini sekiranya anda hamil, atau merancang untuk hamil atau anda rasa anda telah hamil.

Ubat ini akan dirembeskan ke dalam susu ibu. Penggunaan oleh ibu yang menyusukan bayi adalah tidak digalakkan. Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

Jangan mengambil ubat selepas tarikh luputnya seperti tertulis pada pek bungkusannya atau sekiranya bungkusannya sudah koyak atau ada tanda sudah dibuka.

Sekiranya sudah tamat tempoh atau rosak, kembalikan pada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda harus mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

### - Sebelum mula menggunakan Allavin Plus Expectorant

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alahan terhadap sebarang ubat, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

Jika anda sensitif kepada *sympathomimetics* seperti *albuterol*, amfetamin, *ephedrine*, *terbutaline* dan *epinerphine*, anda mungkin sensitif kepada ubat ini juga.

Jangan berikan ubat ini kepada bayi pramatang atau bayi yang baru lahir.

Jangan gunakan ubat ini pada kanak-kanak di bawah 2 tahun.

Ubat ini perlu digunakan dengan berhati-hati dan atas nasihat doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

Bagi warga tua, sila beritahu doktor anda jika anda mempunyai hipertrofi prostat (pembesaran kelenjar prostat).

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda beli termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Allavin Plus Expectorant dan ubat-ubatan lain boleh mengganggu antara satu sama lain. Ini termasuk:

- ubat atau bahan yang merencatkan sistem saraf pusat seperti alkohol, barbiturat, hipnotik, sedatif dan ubat penenang
- ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi seperti perencat beta
- ubat yang digunakan untuk melegakan kesakitan seperti *cocaine*
- *monoamine oxidase inhibitors* (ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan) seperti *furazolidone*, *procarbazine*, *selegiline*.
- Ubat ini tidak boleh diambil semasa atau dalam tempoh 14 hari selepas rawatan dengan MAOIs

Ubat ini boleh mengganggu kesan Allavin Plus Expectorant atau mempengaruhi bagaimana ia bertindak.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai maklumat tentang ubat-ubatan yang perlu diambil perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

### Cara menggunakan Allavin Plus Expectorant

Ikuti dengan berhati-hati segala arahan yang diberikan oleh ahli farmasi atau doktor anda. Arahannya mungkin berbeza daripada maklumat dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan yang bertulis pada label botol, bertanya kepada ahli farmasi, jururawat atau doktor anda untuk menerangkan kepada anda arahan tersebut.

#### - Berapa banyak harus digunakan

*Dos dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun*  
10ml tiga kali sehari.

*Dos kanak-kanak 4-12 tahun*  
2.5ml hingga 5ml tiga kali sehari.

*Bagi kanak-kanak berumur 2-3 tahun*  
Seperti yang diarahkan oleh doktor

#### - Bila perlu digunakan

Ubat ini perlu diambil tiga kali sehari jika perlu.

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

#### - Berapa lama perlu digunakan

Ubat batuk dan selesema biasanya diambil untuk jangka masa yang singkat sahaja sehingga simptom anda hilang.

Teruskan penggunaan Allavin Plus Expectorant untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

#### - Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda mengambil ubat ini pada masa yang tetap dan anda terlupa mengambil satu dos, ambillah dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat.

Walau bagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa diambil.

#### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan pemeriksaan perubatan sekiranya anda telah terlebih mengambil ubat ini.

Bagi bayi dan kanak-kanak, kesan perangsang sistem saraf pusat melebihi kesan perencat sistem saraf pusat, menyebabkan ataksia (gangguan koordinasi pergerakan), keterujaan, terketar-ketar, psikosis (penyakit mental yang menyebabkan kehilangan perhubungan dengan realiti), khayalan, konvulsi (sawan) dan suhu badan yang sangat tinggi. Koma yang berpanjangan dan kegagalan sistem kardiorespiratori (pemberhentian fungsi jantung dan paru-paru secara tiba-tiba) juga mungkin menyusul.

Bagi orang dewasa, depresi sistem saraf pusat lebih biasa berlaku iaitu mengantuk, koma dan konvulsi yang boleh membawa kepada kegagalan pernafasan atau kegagalan sistem kardiovaskular (pemberhentian fungsi jantung secara tiba-tiba).

*Ammonium chloride* pada dos yang tinggi boleh menyebabkan asidosis (peningkatan keasidan dalam darah dan tisu badan yang lain) dan hipokalemia (tahap kalium yang rendah daripada normal).

### Semasa menggunakan Allavin Plus Expectorant

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu ahli farmasi dan doktor anda sekiranya simptom anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Allavin Plus Expectorant.

Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda hamil semasa mengambil ubat ini.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan minuman beralkohol. Ia akan meningkatkan kesan sampingan ubat ini.

Jangan membeli atau menggunakan ubat-ubat lain untuk merawat masalah batuk, selesema atau alergi/alahan tanpa bertanya kepada ahli farmasi atau doktor anda terlebih dahulu. Jika anda mengambil sesetengah ubat bersama-sama, anda berkemungkinan mengambil terlalu banyak ubat yang sama. Baca label ubat lain yang anda gunakan untuk memastikan sama ada ia hanya mengandungi *diphenhydramine*, *pseudoephedrine* atau *ammonium chloride*.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Allavin Plus Expectorant boleh menyebabkan kesan sampingan yang boleh mengganggu cara anda berfikir dan bertindak. Berhati-hati sekiranya anda memandu, mengendalikan jentera atau melakukan aktiviti yang memerlukan kewaspadaan.

Elakkan minuman beralkohol. Ini boleh meningkatkan sesetengah kesan sampingan daripada Allavin Plus Expectorant.

## Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda berasa tidak sihat semasa mengambil Allavin Plus Expectorant. Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ia juga mempunyai kesan sampingan pada sesetengah orang.

Kadang-kadang ianya serius dan kadang-kadang ianya tidak. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya. Bertanyalah dengan doktor dan ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan sampingan berikut dan ianya membimbangkan anda:

- kekurangan tenaga
- mengantuk
- pening
- berkordinasi
- mulut kering
- penebalan mukus
- sesak dada
- penglihatan kabur
- kesukaran atau sakit semasa kencing
- sembelit
- peningkatan kemasukan gastrik
- kadar jantung yang luar biasa cepat atau kadar jantung yang tidak teratur
- ketakutan, kegelisahan
- masalah untuk tidur

Kesemua kesan sampingan tersebut boleh disebabkan oleh mana-mana antihistamina dan *pseudoephedrine*. Garam ammonium akan merengsa lapisan mukosa perut dan membuatkan anda merasa mual dan muntah sekiranya diambil dalam dos yang besar.

Ini bukanlah senarai lengkap kesan-kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web

[portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
→Reporting).

(Consumers

- Nombor MAL  
MAL05012316AC

## Cara penyimpanan dan pelupusan Allavin Plus Expectorant

### - Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap berperisa dan berwarna merah.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif  
Setiap 5ml mengandungi *Ammonium chloride* 135mg, *Diphenhydramine hydrochloride* 14mg dan *Pseudoephedrine hydrochloride* 30mg.

### - Bahan-bahan tidak aktif

- *Chloroform spirit*
- *Liquid glucose*
- *Cherry red carmoisine*
- *Strawberry flavour*
- *Blackcurrant flavour*
- *Sugar*
- *Methylparaben*
- *Propylparaben*
- *Trisodium citrate*
- *Menthol*
- *Propylene Glycol*
- *Deionised water*
- *Saccharin sodium*

## Pengilang

UPHA PHARMACEUTICAL MFG. (M) SDN BHD (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

## Pemegang Pendaftaran Produk

CCM PHARMACEUTICALS SDN BHD (277454-W)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
26/01/2016

**Nombor siri**  
BPFK(R4/1)031115/00394